



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pusat Penerbitan Universiti (UPENA)



Pusat Pemikiran &
Kefahaman Islam

Jurnal CITU

Centre for 
Islamic Thought and Understanding

Jilid 2 No. 1

Januari 2006

ISSN 1823-6146

Pemeriksaan Integriti Akademik di Kalangan Warga UiTM:
Teras Pencapaian Kecemerlangan Universiti Bertaraf Dunia

Musa Ahmad
Roziyah Janor

Konsep dan Falsafah Pendidikan Islam

Halipah Hamzah

Kesejajaran Etika Keilmuan Menurut Al-Ghazālī dalam
Pembinaan Masyarakat Islam Hadhari

Azizah Zakaria
Azizon Salleh

Adab dan Akhlak Islam dalam Pendidikan Islam:
Satu Kajian Kes di Selangor

Asmawati Suhid

Sumber Sains dan Teknologi Islam

Rukiah Mohamad

Kefahaman Terhadap Falsafah Sains Islam Sebagai Pencetus
Perkembangan Sains dan Teknologi: Satu Tinjauan Awal

S. Salahudin Suyurno

Towards Actualizing the Power of Knowledge in Religions

Siti Fatahiyah Mahamood

Cabaran Keberkesanan E-Learning: Etika Tawhidik
Sebagai Solusi

Mohd Nor Mamat

Program Pengajian Islam Sepanjang Hayat di Institut
Pengajian Tinggi di Malaysia (IPT): Kajian Perlaksanaan di
Universiti Malaya (UM) dan Kolej Dar al-Hikmah
(KDH), Kajang

Nurhidayah Muhd Hashim
Siti Khadijah Abd Manan

Penghayatan Terhadap Konsep *al-Sadaqah* di Universiti
Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam

Ghafarullahuddin Din
Mohd. Radzi Othman
Nazrudin Hashim

Development of the Legal and Regulatory Framework for the
Islamic Banking System in Malaysia

Muhamad Rahimi Osman

Cabaran Keberkesanan E-Learning: Etika Tawhidik Sebagai Solusi

Mohd Nor Mamat

Abstrak

Pembelajaran elektronik, pembelajaran atas talian, pembelajaran berasaskan web atau apa sahaja istilah yang digunakan seumpamanya kini sudah menjadi sebutan ramai. Malaysia boleh dianggap maju dalam aspek aplikasi pendidikan berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dengan pengasasan sekolah bistari serta beberapa institusi pengajian tinggi seperti Universiti Terbuka Malaysia, Universiti Multimedia, UNITAR dan sebagainya. Malah telah banyak pusat pengajian yang menawarkan pengajian jarak jauh secara elektronik termasuk Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Mara serta lain-lain universiti. Kertas ini merumuskan konsep dan pendefinisian terhadap realiti aplikasi pembelajaran elektronik di Malaysia. Pelbagai definisi dan arah berdasarkan aspirasi yang tersendiri. Kertas ini cuba mengusulkan definisi pembelajaran elektronik yang selari dengan matlamat pengembangan ilmu dan pendidikan manusia, berbanding dengan teori transmisi ilmu semata-mata. Kertas ini juga mendedahkan pengalaman pembelajaran elektronik di Malaysia dengan memberi fokus kepada beberapa bentuk cabaran dalam konteks falsafah, metodologi, teknologi serta aspek material dan spiritual dengan penekanan kepada cabaran etika sebagai faktor teras dalam memastikan serta meningkatkan keefektifan pembelajaran elektronik. Apatah lagi konsep pembelajaran elektronik yang menjadi aplikasi di peringkat dewasa (adult learning) menuntut sebahagian besar komitmen yang berkait rapat dengan aspek etika. Kertas ini mencadangkan solusi konseptual yang berasaskan kepada penghayatan etika yang bersifat holistik (etika tawhidik) untuk diaplikasi dalam realiti pembelajaran elektronik. Proposal etika sebegini adalah jauh lebih sempurna dan efektif berbanding pelbagai bentuk etika cetusan barat seperti etika profesional, golden rules, etika konvensional, etika intuisi dan sebagainya.

Kata Kunci: *e-Learning, Pengajaran, Pembelajaran, Cabaran, Etika, Solusi.*

Introduksi

e-Learning atau pembelajaran elektronik mula diperkatakan secara meluas dalam masyarakat Malaysia setelah kemunculan internet sekitar 1980-an. e-Learning atau pembelajaran elektronik sebenarnya telah lama bermula apabila penggunaan bahan medium elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran meskipun sebelum kelahiran internet. Mutakhir ini, keghairahan masyarakat dunia untuk memperkatakan e-Learning sebagai model 'long life learning' semakin meningkat dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Masyarakat kian sedar kepentingan ilmu dan maklumat menerima konsep pembelajaran e-learning sebagai model pembelajaran kontemporari dan masa depan. Persoalannya; apakah sebenarnya e-learning? Sesuaiakah aplikasi e-learning untuk semua peringkat pengajaran dan pembelajaran? Malah persoalan ini membawa kepada isu peranan guru sebagai pendidik atau semata-mata pengurus maklumat, isu ketercapaian matlamat pendidikan manusia dan sebagainya.

Definisi e-Learning

Secara umum, e-learning merupakan satu sistem pengajaran dan pembelajaran yang mengeksploitasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang memberi kelebihan mudah capaian, fleksibel, selesa, jimat, kitar semula dan tanpa ruang (ciri-ciri perisian SCORM). Ia lebih bersifat berorientasikan pelajar, mengaplikasi kaedah perantaraan teknologi sebagai ganti persemukaan, analatikal dan guru sebagai pengurus sistem atau fasilitator.

Sejarah kemunculan e-learning boleh diringkaskan seperti berikut:

Sebelum 1983	-	Era Bimbingan Bersemuka
1984-1993	-	Era Multimedia
1994-1999	-	Era Awal Berasaskan Web
2000-kini	-	Era Berasaskan Web Gen-2

Beberapa definisi yang digunakan untuk membawa maksud e-learning; umumnya, ia adalah pembelajaran yang menggunakan komputer [kebiasanya dengan rangkaian talian] dan berlaku pada bila-bila masa

dan di mana-mana sahaja. Ia juga kadangkala ditafsirkan sebagai pembelajaran atas talian, pendidikan atas talian, pembelajaran jarak jauh, pendidikan jarak jauh, latihan berasaskan teknologi, latihan berasaskan web atau latihan berasaskan komputer. Sesetengah mendefinisikan sebagai pembelajaran maya menggunakan komputer, jaringan talian dan perisian. Martin Curtey (2002) mendefinisikan sebagai pembelajaran yang menggunakan teknologi untuk memantapkan pembelajaran. Ia tidak membawa maksud perubahan kepada pembelajaran menerusi elektronik semata-mata. Rosenberg (2001) menggariskan ciri e-learning meliputi; mempunyai jaringan sumber maklumat, menggunakan piawai internet serta perubahan paradigma latihan kepada pemantapan, kelas kepada di mana-mana, berasaskan kertas kepada atas talian dan sebagainya. WR Hambrecht & Co. (1999) membezakan e-learning sebagai pembelajaran berasaskan teknologi manakala pembelajaran atas talian sebagai berasaskan web (Ahmad Marzuki Haji Zainuddin: 2004). Manakala jika kita meninjau definisi oleh organisasi penyedia solusi teknologi, mereka lebih menjuruskan kepada aplikasi sistem keseluruhan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran secara umum termasuk bermula daripada pendaftaran atas talian sehinggalah pengajaran, pengukuran (ujian/peperiksaan), penilaian dan graduasi.

Definisi e-learning menurut Jawatankuasa e-Learning UiTM pula menjelaskan sebagai;

“e-Learning are learning management system that synthesis the functionality of computer-mediated communications system and learning technology to facilitate learning. Theses systems aim to accommodate a wide range of learning styles and goals, to encourage collaborative and resource-based learning and allow greater sharing and re-use of resources ultimately leading to the enrichment of UiTM’s knowledge repository.”

Secara mudahnya, e-learning adalah kaedah pembelajaran yang menggunakan reka bentuk arahan khas, teknik pengajaran khas serta kaedah komunikasi khas menerusi medium elektronik dan teknologi. Dalam kepelbagaian peristilahan tersebut, satu persamaan boleh dirumuskan sebagai; pembelajaran elektronik adalah ke arah aplikasi pembelajaran sepanjang hayat; 24 jam sehari; 7 hari seminggu dan pada bila-bila masa serta di mana-mana sahaja menerusi medium elektronik.

Beberapa keistimewaan e-learning seperti yang seringkali dibincangkan adalah bersifat terkini, fleksibel masa dan tempat, interaktif, mengatasi kekurangan golongan guru, membuka peluang yang luas kepada

Jadual 1: Persekitaran Tradisional dan Persekitaran e-Learning

Tradisional			E-learning		
Aspek	Sampel	Aktiviti	Aspek	Sampel	Aktiviti
PENTADBIRAN	Maklumat Kursus Kalendar Keputusan Jadual Kuliah	Pelajar berurusan di kaunter atau papan notis atau merujuk pegawai berkenaan atau dlm kelas.	PENTADBIRAN	Maklumat Kursus Kalendar Keputusan Jadual e-Kuliah	Pelajar boleh mendapatkan material ini berulang kali di laman web atau mengguna medium ICT.
KOMUNIKASI	Konsultansi Notis/Diskusi Kuliah QA	Pelajar berurusan di bilik guru atau di papan notis bilik guru atau dalam kelas.	KOMUNIKASI	e-Mel/Chatting Buletin/Diskusi e-Kuliah FAQ	Pelajar berurusan melalui web atau medium ICT pada bila-bila masa.
PENYAMPAIAN	Handout Slaid/Simulasi	Pelajar mendapatkan bahan ini di dalam kelas, dijelaskan oleh guru.	PENYAMPAIAN	Handout Slaid/ Simulasi Slaid/ Simulasi Telekonferensi	Pelajar mendapatkan bahan ini di dalam web tanpa penjelasan oleh guru.
PENGUKURAN	Kuiz Formatif Ujian Sumatif Diskusi Assignment	Pelajar diuji dan diskusi pada waktu kuliah atau tutorial.	PENGUKURAN	Kuiz Formatif Ujian Sumatif Diskusi e-Assignment	Pelajar diuji dan diskusi dlm web atau forum diskusi secara maya.
SUMBER	Material Pautan Web CD/ Buku Perpustakaan	Pelajar boleh merujuk sumber pembelajaran yang pelbagai.	SUMBER	e-Material Pautan Web CD/ Buku Perpustakaan (e)	Pelajar boleh merujuk sumber pembelajaran yang pelbagai.

semua dan penjimatan kos. Ini sesuai untuk memenuhi definisi pembelajaran sebagaimana difahami umum sebagai proses perubahan karakter dan potensi seseorang hasil daripada pertambahan pengalaman. Persoalannya, di mana aspek 'pendidikan' dalam konteks ini?

E-Pembelajaran Vs E-Pendidikan

Pembelajaran, pencarian ilmu, penyebaran maklumat atau ilmu, pemindahan kepakaran (technology skill transfer) dan sebagainya agak berbeza daripada skop pendidikan. Ada persamaan tetapi wujud juga perbezaan dalam konteks definisi, ciri dan falsafahnya yang tidak boleh diharmonikan. Pendidikan jauh lebih besar konteksnya dan mempunyai matlamat yang murni dan relevan dengan elemen metafizika (tauhid).

Hassan Langgulung (1996) menyebut sebagai Bloom umpamanya menggariskan peranan guru dalam mendefinisikan pendidikan sebagai:

(Guru haruslah) sentiasa cuba memandang ke arah kesempurnaan manusia... Dia selalu dibimbing oleh kesedaran atau kepercayaan bahawa ada sesuatu yang disebut tabiat manusia (human nature) dan bahawa menolong menyempurnakannya adalah tugas guru.

Begitu juga dalam konteks mendefinisikan pendidik dan pengajar, Dato' Dr Ismail Hj Ibrahim (2001) mengungkapkan:

Tugas guru untuk mendidik jiwa raga dan membentuk sikap positif dan memberikan ilmu pengetahuan yang membina kepada pelajar adalah tanggungjawab dan amanah yang paling besar di atas bahu manusia-manusia bergelar pendidik.

Lantaran itu, pengajaran dan pembelajaran ilmu, pencarian ilmu atau penyebaran ilmu boleh berlaku di mana-mana tetapi pendidikan perlu dalam budaya dan persekitaran serta kontakannya yang tertentu untuk diserapi jiwa dan raga pelajar. Ini amat jelas di peringkat persekolahan asas dan menengah yang digarap dalam hasrat murni penggubalan kurikulum pendidikan bersepadu malah seharusnya ia berlangsung secara berterusan sehingga ke peringkat pendidikan dewasa, kerana aspek nilai atau afektif adalah diperlukan sepanjang hayat.

Falsafah pendidikan oleh tokoh pendidikan barat terkemuka seperti Bloom sendiri meletakkan tiga asas bidang utama yang perlu terangkum dalam menilai pencapaian objektif pendidikan iaitu kognitif, psikomotor dan afektif.

Menurut falsafah pendidikan dalam ajaran Islam, ia merangkumi manifestasi tarbiyyah (pendidikan), ta'lim (pengajaran), ta'dib (pembentukan adab), irsyad (bimbingan) dan tabligh (penyampaian ilmu). Apa yang pasti, ia mestilah bukan berbentuk informatif semata-mata tetapi lebih cenderung kepada informatif dan edukatif dengan sistem dan metodologi yang tepat sebagaimana disebutkan dalam definisi di atas. Prof Dr Hassan Langgulung (1997) membayangkan kepupusan konsep pendidikan dalam sistem pendidikan negara akibat terlalu menekankan aspek kognitif dan psikomotor (pengajian atau pengetahuan dan skil) dengan mengorbankan aspek afektif (pendidikan atau nilai). Kebimbangan ini adalah lebih serius dalam aplikasi e-learning yang menghadkan proses afektif berlaku dengan limitasi persemukaan, kelonggaran bimbingan berorientasikan guru dan sebagainya.

Setelah memahami konsep ini, mungkin kita boleh rumuskan bahawa proses pendidikan adalah proses berterusan di semua peringkat rendah, menengah, tinggi dan matang. Ia memerlukan metodologi berorientasikan guru (student-oriented), penghayatan serta konsep permodelan. Penambahan ilmu juga perlulah diteruskan sepanjang hayat. Konsep e-learning lebih sesuai untuk perkongsian ilmu ke arah mewujudkan budaya k-pekerja dan k-masyarakat (Alson Chay, 2002). Boleh juga dirumuskan bahawa pengajaran dan pembelajaran adalah subset kepada pendidikan manakala pada masa yang sama, pendidikan adalah teras pengajaran dan pembelajaran.

Umumnya, proposal definisi e-learning yang tepat untuk diimplementasi dalam masyarakat di negara kita perlulah melihat kepada beberapa aspek yang dibincangkan di atas. e-Learning mempunyai kelebihan tersendiri dalam konteksnya manakala konsep e-pendidikan masih belum tiba masanya untuk diaplikasi secara berkesan pada masa ini. Pada masa yang sama, konsep e-learning yang berlaku sekarang perlu diseiringkan dengan pendidikan secara tabi'ie (tradisional) dengan konsep persemukaan guru-murid. Inilah yang dirumuskan oleh banyak pihak agar konsep 'blended learning' menjadi pilihan terbaik dengan fokus yang seimbang dan menepati konsep sesuatu subjek.

Senario dan Realiti

Sistem pendidikan negara kita telah menjangkau era teknologi canggih di mana kita sedang bergerak ke arah pusat ilmu di rantau timur yang termaju. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bukan

lagi sesuatu yang menakutkan malah menjadi fasiliti asas dalam semua bentuk pengajaran dan pembelajaran. Konsep pembelajaran elektronik atau e-Learning di Malaysia bermula secara agresif apabila kerajaan memperkenalkan konsep sekolah bistari pada 1990-an. Di peringkat pengajian menengah, Kementerian Pendidikan begitu proaktif melaksanakan konsep e-learning dengan pengenalan material pembelajaran elektronik, portal MySchoolNet, MahirNet, CikguNet dan sebagainya di peringkat nasional. Di peringkat pengajian tinggi berdasarkan kepada pandangan yang mengatakan e-learning adalah pendidikan jarak jauh; ia dipercayai mula dirintis oleh USM (1971), UiTM (1990), UKM (1993), UPM, UM (1995), UUM, MMU, UNITAR (1998), METEOR (1999), UIA (2000) dan OUM (2001).

Namun hakikat sebenarnya, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan bantuan medium elektronik sebenarnya merupakan aplikasi pembelajaran di semua universiti awam (Kajian ini cuma melibatkan IPTA dan beberapa IPTS seperti MMU, UNITAR, OUM dan UTP sebagai kes penyelidikan). Penggunaan bahan multimedia seperti e-buku merupakan fenomena yang meluas di kampus-kampus sama ada sebagai bahan teks ataupun rujukan umum. Boleh dikatakan semua perpustakaan akademik di IPTA negara kita memiliki sudut IT yang canggih, yang mampu mengakses maklumat dan sumber ilmu sepanjang masa. Walau bagaimanapun, suatu aspek yang juga perlu diberi perhatian, laporan kajian ke atas 120 institusi kerajaan dan swasta (David Asirvathan et al: 2003) menyebut pengurusan atasan bersetuju dengan aplikasi e-learning tetapi tidak bagi staf dan pelajar. Pembelajaran dalam kelas masih menjadi pilihan utama berbanding 'blended learning' atau berasaskan web.

Meskipun begitu, dilihat kepada realiti semasa jelas membayangkan usaha yang amat proaktif di kalangan IPT ke arah menjayakan aplikasi e-learning dengan mengoptimumkan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran sementara syarikat atau organisasi terlibat dengan ICT pula begitu ghairah dalam inovasi teknologi canggih ke arah memantapkan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Persekitaran ini seharusnya disuburkan dan dieksploitasi sebaik mungkin untuk tujuan mencapai aspirasi k-masyarakat tanpa mengeneipkan aspek pendidikan peribadi, masyarakat dan bangsa dengan nilai kemanusiaan, bukannya menerusi medium bersifat kaku, bisu dan tanpa wajah.

Sesetengah universiti di dunia seperti NYU Public Access Courseware (<http://endeavor.med.nyu.edu/public/>), MIT (<http://ocw.mit.edu/index.html>) dan beberapa yang lain melaksanakan e-learning

sepenuhnya secara terbuka kepada umum. Pada pemerhatian saya, e-learning di Malaysia lebih cenderung kesesuaiannya kepada konsep 'blended' yang tidak meminggirkan konsep tradisional dengan bermatlamatkan pemantapan kaedah pembelajaran, sebagai bantuan dan sokongan untuk pelajar, penjimatan kos, pengurusan bahan ilmu yang berkekalan dan bersifat interaktif sepanjang masa.

Impak e-Learning Terhadap Etika Pengajaran

Realiti di atas membayangkan kesungguhan dan usaha proaktif sedang dalam progres ke arah munculnya persekitaran e-learning secara dominan dalam pendidikan negara kita masa depan. Kewujudan persekitaran yang bersandar kepada teknologi ini memungkinkan beberapa cabaran yang perlu diberi perhatian. Umpamanya Grimwade (1994) menegaskan penggunaan sidang video yang memisahkan guru dan pelajar menyebabkan kawalan kelas menjadi longgar (Shafie Mohd Daud et al: 2002).

Persoalan interaksi atau kontak antara guru dan pelajar dalam konteks pendidikan adalah indikator penting bagi menentukan efisiensi matlamat pendidikan. Dalam *e-learning*, interaksi pelajar banyak berlaku menerusi medium ICT seperti e-forum, e-mel, telefon, audio visual ataupun tele-video konferensi. Dalam memahami sesuatu ilmu yang disampaikan; tersurat atau tersirat perlulah kepada kontak. Hasil kajian Omar Majid etc. mendapati komunikasi menerusi video konferensi tidak mampu mengaktifkan pelajar untuk turut serta dalam diskusi ilmu, apatah lagi menerusi medium yang lain.

Dalam persoalan yang lain, isu teknologikal ini juga turut menyeret perbincangan kepada isu kekangan dan limitasi kewangan di kalangan pelajar serta guru. Manakala Mahmud Abd Wahab (2004) menggariskan beberapa isu makro yang perlu diberi perhatian dalam implementasi e-learning, antaranya;

1. Kesan peningkatan pengkomersilan pendidikan. Apakah pengkomersilan pendidikan memastikan pencapaian objektif pendidikan atau memastikan nilai komersil lebih daripada pencapaian konsep pendidikan?
2. Konflik di antara agenda korporat (komersil) dengan agenda akademik dan sosial.
3. Kewujudan tensi di kalangan golongan pendidik konvensional terhadap tren kepenggunaan teknologi pengajaran dan pembelajaran.

4. Penjurusan kepada aspek latihan dan pemantapan pengetahuan berbanding pendidikan.
5. Isu kelemahan aspek infostruktur yang efisien serta tahap kemahiran yang belum benar-benar celik ICT.
6. Kesan ke atas kemahiran interaksi kemanusiaan (nilai insan dan ihsan).
7. Perubahan paradigma dan stail pengajar dan pelajar dalam konteks metodologi, pedagogi serta etika.

Dalam konteks yang lain, meskipun teknologi berubah dan barangkali metodologi klasikal atau tradisional sudah ditinggalkan, namun konsep pemikiran etika perlu dilandaskan kepada prinsipnya yang asal. Sejak teknologi maklumat dan komunikasi menjadi medium pendidikan mutakhir ini, kita melihat wujudnya pengikisan budaya menghormati guru dan mengasihi murid. Pelajar tidak merasakan mereka terdidik dengan semata-mata menerusi sekeping CD yang dibekalkan, atau melalui pengajaran tekstual di dalam forum ataupun di laman sembang ataupun berutusan melalui e-mel. Kajian ahli komunikasi kontemporari menjelaskan kesan komunikasi daripada teks hanya 3% manakala peranan bahasa badan (peribadi sumber, gerak badan dan antonasi) adalah lebih 70%. Data ini menjelaskan kepentingan persemukaan dalam konteks pendidikan atau pengajaran kursus pendidikan Islam agar ilmu dan didikan difahami dalam bentuknya yang tepat. Dalam hal etika Islam umpamanya, jawapan seorang guru hendaklah setaraf dengan mentaliti murid yang sudah tentu memerlukan persemukaan dan penghayatan psikologikal. Begitu juga contohnya, sifat guru mestilah keibuan atau kebapaan terhadap seorang anak: sudah tentu pendidikan ibu bapa terhadap seorang anak tidak mampu dicapai sekiranya penggunaan medium yang terlalu dominan. Apatah lagi isu pendidikan melalui teladan yang barangkali agak sukar diperolehi menerusi medium tanpa wujud suasana kenal mengenali antara satu sama lain secara mendalam. Ia mungkin dicapai dengan menteladani gaya komunikasi guru secara tekstual namun ia bersifat terlalu minoriti. Begitu juga etika murid terhadap guru umpamanya, menghormati guru, bersopan ketika proses menerima ilmu dan sebagainya yang mungkin kurang dipraktiskan dalam gaya belajar menerusi teknologi maklumat dan komunikasi secara dominan. Malah sesetengah bentuk pengajian secara maya kadangkala mempromosikannya secara keterlaluan seperti 'Learning While You Are In Bed' ataupun 'Attend Classes With Pyjamas' dan sebagainya yang sudah tentu memberikan imej yang cukup bertentangan dengan nilai perguruan dan menuntut ilmu.

Perlu juga diingat bahawa penghayatan dan penerapan hasil pendidikan ke dalam individu manusia amat berkait dengan elemen metafizika. Menurut ajaran Islam, pendidikan berhasil apabila wujudnya sokongan barakah dan rahmah Allah SWT. Pendidikan yang tidak disertai elemen kemanusiaan juga bakal menghasilkan manusia robotik dan anti-emosi. Persoalannya apakah teknologi maklumat dan komunikasi hari ini mampu meletakkan proses pendidikan mencapai matlamat barakah tersebut, atau sekadar menjadi proses transmisi maklumat sebagaimana kita memasukkan data ke dalam komputer.

Apa yang jelas sering dibincangkan oleh sarjana pendidikan barat menggunakan konsep pengajaran sebagai lebih menjurus kepada aspek pencarian ilmu semata-mata. Malah kalau dilihat dalam konteks negara kita sendiripun, konsep pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah seolah-olah memerlukan suntikan penerapan nilai secara terasing. Ini seharusnya sudah sedia tersepadu dalam konsep pendidikan. Oleh itu disarankan agar diklasifikasikan sebaiknya kursus berasaskan dominan pendidikan atau sebaliknya untuk tujuan aplikasi e-learning agar aspek afektif pendidikan tidak terabai. Pendidikan Islam atau pendidikan moral umpamanya, jelas membayangkan dominasi pendidikan secara major dan sama sekali tidak wajar dielektronikkan medium pendidiknya.

Dalam diskusi pedagogi pendidikan, barat sendiri mengkritik konsep pembelajaran yang mereka cipta. Umpamanya, Grimwade (1994) menegaskan asas dialog dengan kontak langsung adalah sangat perlu untuk memahami aras kefahaman pelajar secara tepat. Begitu juga Woodruff dan Mosby (1996) serta Urbanowich menekankan soal komunikasi, pakaian, bahasa, bahasa badan sebagai kunci kejayaan pengajaran. Proses ini mungkin sukar berlaku dalam konsep *e-learning* kecuali pengajaran dan pendidikan berlaku menerusi seperti telekonferensi (walau bagaimanapun, matlamat sepenuhnya sebagaimana konvensional mungkin tidak tercapai).

Dalam konteks cabaran kepakaran dan kreativiti pula, para guru yang terlibat perlulah lebih realistik dalam dunia semasa. Kewujudan para guru tradisional yang mengambil sikap beralah kepada kecanggihan teknologi adalah sesuatu yang amat merugikan. ICT perlu dieksploitasi sebaiknya bagi mencapai hasrat pendidikan dalam lingkungan dan sempadan yang tidak terkeluar daripada prinsip dan falsafah asasnya. Para guru yang terlibat langsung dalam pendidikan perlu mengembeling idea bagi mencari solusi terbaik ke arah mencipta metod pendidikan menerusi ICT dari masa ke semasa. Kritikan semata-mata tanpa menyediakan solusi tidak akan membawa ke mana-mana. Penggunaan

ICT ini boleh diaplikasikan dalam banyak konteks berpandukan kreativiti dan daya inovasi para guru masing-masing.

Menurut perspektif Islam, capaian sendiri adalah komplimen kritikan kepada konsep *talaqi* daripada guru, bukannya penafian kepada kewujudan guru sebagai autoriti sumber ilmu (Kaseh Abu Bakar et al: 2001). Bagi tujuan mencapai hasrat di atas, dicadangkan agar metod e-learning kursus-kursus yang bersifat pendidikan perlu dilebarkan waktu pertemuan antara murid-guru berbanding kita membiarkan medium mendominasi proses pendidikan tersebut. Umpamanya, penanaman akidah yang merupakan teras kepada kejayaan pendidikan individu perlu diterapkan secara berpedoman kepada guru secara dominan. Ini kerana pengajaran tanpa merujuk kepada nilai-nilai penerapan akidah bakal menjadikan produk yang dihasilkan bersifat robotik ataupun *munafik*. Ini disokong oleh sarjana barat, antaranya E.F Schumaker dalam bukunya *Small Is Beautiful* menegaskan:

Education cannot help us as long as it accords no place to metaphysics. Whether the subjects taught are subject of science or of the humanities, if teaching does not lead to a clarification of metaphysics, i.e. to say, of our fundamental convictions, it cannot educate man and, consequently cannot be of real value (of education) to society.

Mr Cheong Weng Seng (2003) membayangkan konsep e-learning adalah paling sesuai diintegrasikan dengan kerja dan ia lebih bersifat latihan penambahan kepakaran dan maklumat, bukannya pendidikan. Malah dalam aspek e-learning itu sendiri, aplikasi integrasi antara tradisional dan elektronik (*blended*) didapati menjadi pilihan efektif.

Di samping itu, konsep etika berguru serta etika mengajar amat dititikberatkan dalam peradaban Islam, umpamanya oleh Imam Al Ghazali dalam *Ihya' Ulumiddin*, Ibnu Khaldun dalam *Muqaddimah*, Az Zarnuji dalam *Adab Al 'Alim Wa Al Muta' allim* atau Prof Dr Ahmad Syalaby dalam *Tarikh At Tarbiyyat Al Islamiyyah*. Beberapa prinsip perguruan dan etika menuntut ilmu tidak mampu dilaksanakan dalam persekitaran cara belajar yang didominasi oleh medium ICT yang keterlaluan. Konsep pendidikan berhikmah dan *maw'izah hasanah* tidak mampu dihayati oleh medium yang kaku dan bisu tanpa disertai oleh akal dan emosi. Malahan konsep penyampaian ilmu itu sendiri juga perlu dengan kesesuaian yang berbeza, sebagai menepati kaedah komunikasi Islam iaitu 'setiap tutur kata adalah (mengikut kesesuaian) kondisinya'. Pembentukan etika atau karakter pendidik dan penuntut juga akan terhakis

dengan sifat keinsanan dan keihsanan menurun disebabkan penyuburan dan pembudayaan sifat robotik.


Sehubungan itu juga, isu barakah yang berkait langsung dengan etika juga perlu diberi perhatian kerana konsep ini amat berkait rapat dengan efisiensi pendidikan menurut ajaran Islam. Dalam hal ini, Utman El Muhammady menggariskan kriteria kepada proses pendidikan yang mencapai aspirasi barakah, antaranya mampu memberikan kefahaman yang tepat, berkesan ke arah perubahan kepada kebaikan, berlaku kesan ilmu ke atas pelajar dan keluarganya, tidak berlaku penyalahgunaan ilmu, menguasai ilmu dalam kadar yang segera atau pantas, ilmu tidak dilupakan, ilmu berkembang kepada pihak lain, membantu pembinaan 'umat terbaik' serta menjadi pendinding kepada fahaman yang salah.

Etika Tawhidik dan Juristik Sebagai Solusi

Etika tawhidik adalah sistem etika yang berasaskan pandangan wahyu serta mentawhidkan Allah menerusi wahyuNya sebagai sumber garis panduan dalam penilaian sesuatu sama ada baik atau buruk merupakan satu teori etika yang diharapkan menjadi solusi yang efektif dan lebih abadi untuk dihayati dalam memastikan keberkesanan pendidikan menerusi konsep e-learning. Di peringkat pendidikan dewasa (adult learning), kita tidak menafikan keupayaan pembelajaran atau latihan berorientasikan pelajar, analitikal dan kurang persemukaan namun isu persediaan menghadapi konsep dan suasana pembelajaran sedemikian memerlukan kepada kekuatan peribadi dan akhlak. Oh, E. S (2003) membariskan beberapa prinsip etika untuk dihayati dalam konteks pengajaran dan pembelajaran serta interaksi dengan medium ICT. Antara lain beliau memberi penilaian (rank) tertinggi kepada etika profesional sebagai prinsip etika yang paling popular masa kini diikuti etika 'disclosure rule', 'golden rule', prinsip utilitarian dan imperatif. Dilihat secara holistik, etika tawhidik merupakan proposal yang lebih komprehensif kerana sistem etika lain adalah bersifat *bias* kepada pandangan kelompok tertentu dan berkemungkinan bercanggah antara satu sama lain berbanding dengan merujuk kepada pandangan Yang Esa dan tidak berubah-ubah.

Etika tawhidik menerima pakai semua prinsip yang dirumuskan dalam beberapa prinsip etika semasa dengan penambahan ciri komprehensif dan sederhana dengan sempadannya adalah piawaian Yang Esa. Pada masa yang sama etika ini tidak memungkinkan kepelbagaian prinsip yang bercanggah antara satu sama lain kerana merujuk kepada prinsip nas

iaitu wahyu sebagai induk. Antara keistimewaan prinsip etika ini; menerima pakai kepelbagaian pandangan berdasarkan fleksibiliti dan keperluan masa dan tempat tetapi bersatu di bawah prinsip yang mutlak dan kekal. Etika merupakan sesuatu nilai yang diterima baik oleh masyarakat tertentu dan ini bersesuaian dengan pandangan etika profesional namun terdapat pada masa tertentu di kalangan masyarakat yang serong, pandangan tersebut adalah terbatal dengan keutuhan prinsip tetap di dalam wahyu. Begitu juga dalam konteks etika yang lain, umpamanya tidak semua perkara yang kita sukai adalah perkara beretika kerana barangkali sifat peribadi kita mungkin di luar batasan prinsip etika.



Ilustrasi 1: Struktur Etika Tawhidik

Etika tawhidik berasaskan pandangan etika universal adalah boleh diterima sepanjang masa dan di mana-mana; begitu juga dalam konteks keperibadian pelajar dan guru dalam aplikasi e-learning. Satu-satunya prinsip etika yang tidak memerlukan kepada pemantauan orang lain atau profesional ialah etika tawhidik kerana ia secara terus merujuk kepada Tuhan. Secara ringkas, ciri etika tawhidik adalah:

1. Berteraskan satu prinsip induk (wahyu) yang tidak berubah.
2. Bersifat universal dan sederhana dengan semua prinsip etika yang lain.
3. Berkait langsung dengan interaksi alam secara horizontal dan Tuhan secara vertikal.
4. Berasaskan kepada akidah (kepercayaan) tentang ganjaran segera dan tertangguh.
5. Paling sesuai untuk aplikasi etika dalam dunia virtual.

Etika tawhidik ini lebih jelas dan dipermudahkan oleh pakar ilmu wahyu dengan prinsip-prinsip sokongan juristik. Prinsip juristik yang menjadi pandangan berbentuk analitikal oleh golongan pakar yang boleh dirujuk membentuk satu gagasan prinsip untuk pembinaan kod etika dalam apa jua konteks terutamanya bagi tujuan aplikasi dalam dunia virtual yang tiada persemukaan dengan sesama manusia. Gagasan prinsip etika sebegini adalah dianggap wajar dengan keterbukaan dan universaliti penghayatannya dalam kepelbagaian bangsa, negara malah agama.

Konklusi

Sebagai rumusannya, beberapa isu di bawah seharusnya diberi perhatian dalam aplikasi e-learning terutamanya dalam memelihara agar etika pendidikan terus berlangsung dalam suasana yang sewajarnya;

1. e-Learning Adalah Suatu Bentuk Medium Bersifat Interaktif.
2. e-Learning Adalah untuk Pemantapan Bukannya Penggantian. Ia Seharusnya Adalah Nilai Tambah (Value Added) dan Komplimentari kepada Tradisional.
3. e-Learning Adalah Solusi Terbaik bagi Permasalahan; Keselesaan Ruang, Kos, Konsistensi, Pengkayaan Sumber, Perulangan dan Pengekalan Sepanjang Hayat.
4. e-Learning Adalah Solusi Untuk Pembelajaran, Pencarian Ilmu, Kursus Berterusan Bukannya Pendidikan.
5. e-Learning Adalah Lebih Menjurus Pemindahan Ilmu Secara Global Berbanding Mendidik Secara Lokal.
6. e-Learning Adalah Subset kepada Pengurusan Ilmu (Knowledge Management).
7. e-Learning Bukanlah Bersifat Pendidikan Secara Langsung.
8. e-Learning Perlu Difahami Tanpa Prejudis kepada Medium Elektronik Selain Multimedia dan Internet.
9. e-Learning Yang Terbaik Adalah Berkonsepkan Integrasi (Sepadu) atau *Blended*.
10. e-Learning Menjadikan Pembelajaran Tradisional Lebih Baik (Better Than The Best).
11. e-Learning amat memerlukan suntikan penghayatan etika tawhidik berbanding etika yang sekadar bersifat luaran dan temporari.

Teknologi dicipta untuk memudahkan dan meningkatkan kualiti kehidupan manusia tanpa mengabaikan pembinaan dan pembangunan

insan dan ihsan manusia. Adalah kurang tepat sekiranya kita mencipta medium untuk merosakkan fitrah keinsanan dan keihsanan kita sendiri. Kegunaan medium ciptaan kita adalah bergantung kepada perancangan dan strategi yang tepat ke arah mencapai matlamat pendidikan manusia yang sebenar (end objective). Satu-satunya yang mampu memelihara kita dalam dunia sebegini adalah akidah yang dijemakan dalam bentuk aplikasi etika. Penjanaaan solusi yang bercirikan sebegini memungkinkan keefisienan dan keefektifan proses pembelajaran dalam dunia elektronik seterusnya mengelakkan kegersangan output positif serta banjiriran produk negatif seperti budaya samseng, hedonisme, jenayah remaja dan sebagainya.

Rujukan

- Ahmad Marzuki Hj Zainuddin (2004). "Introduction to e-Learning": *Seminar e-Learning*. Pulau Pinang: UiTM, 5-7 April 2004.
- Al Attas, Syed Muhammad Naquib (1999). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Thoughts and Civilization.
- Asirvathan, David (2003). *E Learning: Reshaping Education*. Selangor: Multimedia University, 2003.
- Cheong Weng Seng (2003). "Best Practices Case Study in Asia/ Europe": *EU-Asia e-Learning 2003*. Kuala Lumpur: PWTC, 10-12 April 2003.
- Curley, Martin (2002). "E Learning! Evolution or Revolution?": *National Conference on e Learning*. Kuala Lumpur: PWTC, 4-5 July 2002.
- Evers, Hans-Dieter (2001). "Towards A Malaysian Knowledge Society": *Third International Malaysian Studies Conference*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 6-8 Ogos 2001.
- Halimah Awang (2001). "ICT Revolution and the Future Workforce": *Third International Malaysian Studies Conference*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 6-8 Ogos 2001.

- Hamidah Baba, Hajjah (1999). "Peranan Guru di Dalam Era ICT": *Seminar Memahami Islam Melalui ICT*. Kuala Lumpur: IKIM 28-29 April 1999.
- Hassan Said, Prof. Dr. (2002). "Government & e Learning": *National Conference on e Learning*. Kuala Lumpur: PWTC, 4-5 July 2002.
- Kahiruddin Hashim (1998). "Teaching & Learning in A Virtual University Environment": *International Conference on Infomation Technology & Multimedia*. Kuala Lumpur, 28-30 September 1998.
- Lubabah Husein, Fahdilah Sheikh (1988). *Bimbingan Sunnah di Alam Pendidikan*. Terengganu: Penerbitan Yayasan Islam Terengganu.
- M. Kamal Hassan, Prof. Dr. (t.t). "Values Education Framework Based on Islamic Concepts & Precepts": *Jurnal Pendidikan Islam*. Selangor: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- M. V Ramachandra (2002). "Education Through Multimedia: Advantageous and Limitations": *National Conference on ICT in Education*. Kuala Terengganu: Primula Beach Resort, 1-2 Oktober 2002.
- Mahmud Abd Wahab (2004). "Issues and Challenges of e-Learning Implementation in Malaysia": *Seminar e-Learning*. Pulau Pinang: UiTM, 5-7 April 2004.
- Mustapha Ahmed, Haji (2002). "New Era in the Education: Experience & Challenges in Developing Smart School": *National Conference on e Learning*. Kuala Lumpur: PWTC, 4-5 July 2002.
- Oh, E. S. (2003). "Proposed Ethical Framework for Resolution of Moral Dilemmas in Learning and Motivation Issues": *International Seminar on Learning and Motivation*. Pulau Pinang: Corpthorne Orchid Hotel, 13-15 Oktober 2003.
- Razali Ismail (2002). "Enhancing Digital Education in Terengganu: The T_iman Approach": *National Conference on ICT in Education*. Kuala Terengganu: Primula Beach Resort, 1-2 Oktober 2002.

- Roselan Ab Malek (2003). "Enam Sekolah Perintis Projek e-Pembelajaran": *Berita Harian*, 14 Mac 2003.
- Sellina Chin (2003). "State of the e-Learning Industry in Asia and Europe": *EU-Asia e-Learning 2003*. Kuala Lumpur: PWTC, 10-12 April 2003.
- Sibat, MacLean Patrick (2001). "Improving the Standard of e Learning in Malaysia": *Sunday Star*, August 26 2001.
- Shaffee Mohd Daud et. al. (2002). "Faktor-faktor Mempengaruhi Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Sidang Video dalam Pendidikan Jarak Jauh": *Malaysian Journal of Distance Education*, Vol. 2 No. 1 June 2000. Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Syed Othman Alhabshi, Datuk Dr. (2002). "E Learning: A Malaysian Case Study": *Africa-Asia Workshop on Promoting Co-operation in Information and Communication Technologies Development*. Kuala Lumpur: INTAN, 26 March 2002.
- Wahid Hashim (2002). "Sumber Pembelajaran Elektronik: Pengalaman Portal Pendidikan Utusan": *Seminar Kebangsaan Pusat Sumber Elektronik*. Shah Alam: Intekma Resort & Convention Center, 9-10 September 2002.

MOHD NOR MAMAT, Pensyarah CITU, UiTM Shah Alam